



14 Februari 2017  
14 February 2017  
P.U. (A) 51

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA SYARIKAT  
MALAYSIA (PELESENAN SETIAUSAHA) 2017

*COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
(LICENSING OF SECRETARIES) REGULATIONS 2017*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001  
PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
(PELESENAN SETIAUSAHA) 2017

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan bagi lesen
4. Pemberian lesen dan pemberitahuan keengganan untuk memberikan lesen
5. Pematuhan syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas lesen
6. Pembaharuan lesen dan pemberitahuan keengganan untuk membaharui lesen
7. Pembatalan lesen
8. Rayuan melalui sistem pemfailan elektronik
9. Permohonan atau rayuan melalui apa-apa cara lain
10. Fi

JADUAL

AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001  
PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
(PELESENAN SETIAUSAHA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 40 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pelesenan Setiausaha) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2017.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“lesen” ertinya suatu lesen yang diberikan kepada seseorang oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 20G Akta untuk bertindak sebagai setiausaha;

“sistem pemfailan elektronik” ertinya sistem pemfailan yang disediakan oleh Suruhanjaya bagi maksud membuat apa-apa permohonan atau rayuan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Permohonan bagi lesen**

3. (1) Mana-mana orang, selain orang yang disebut dalam perenggan 235(2)(a) Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], boleh memohon kepada Suruhanjaya bagi suatu lesen untuk bertindak sebagai seorang setiausaha melalui sistem pemfailan elektronik melainkan jika diarahkan selainnya oleh Suruhanjaya.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, nombor pengenalan, maklumat untuk dihubungi dan alamat tempat kediaman utama pemohon itu;
- (b) alamat perniagaan pemohon itu, jika berkenaan;
- (c) kelayakan akademik pemohon itu dan pengalaman pemohon itu yang berkaitan; dan
- (d) suatu perisytiharan oleh pemohon itu—
  - (i) bahawa pemohon itu bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
  - (ii) bahawa pemohon itu tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia bagi mana-mana kesalahan yang disebut dalam seksyen 198 Akta Syarikat 2016;
  - (iii) bahawa pemohon itu tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia bagi mana-mana kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan yang boleh dihukum apabila disabitkan dengan pemenjaraan selama tiga bulan atau lebih; dan
  - (iv) bahawa pemohon itu tidak mempunyai apa-apa tindakan undang-undang yang masih belum selesai terhadapnya di bawah mana-mana peruntukan Akta atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

(3) Permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Pemberian lesen dan pemberitahuan keengganan untuk memberikan lesen**

4. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah peraturan 3, jika Suruhanjaya berpendapat bahawa pemohon itu ialah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang suatu lesen di bawah subseksyen 20G(4) Akta, Suruhanjaya boleh—

(a) memasukkan butir-butir pemohon itu dalam daftar; dan

(b) memberikan suatu lesen yang mengandungi suatu nombor lesen kepada pemohon itu.

(2) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa pemohon itu ialah bukan seorang yang layak dan sesuai untuk memegang suatu lesen di bawah subseksyen 20G(4) Akta, Suruhanjaya hendaklah memberitahu pemohon itu secara bertulis tentang keengganannya untuk memberikan lesen.

**Pematuhan syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas lesen**

5. (1) Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan apabila memberikan suatu lesen di bawah subperaturan 4(1), dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat atau sekatan yang dikenakan itu.

(2) Orang yang dilesenkan hendaklah mematuhi syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas suatu lesen.

**Pembaharuan lesen dan pemberitahuan keengganan untuk membaharui lesen**

6. (1) Orang yang dilesenkan hendaklah memohon bagi pembaharuan lesen tidak lewat daripada tiga puluh hari, atau apa-apa tempoh lain yang dinyatakan oleh Suruhanjaya, sebelum habis tempoh lesen itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 20G(1)(b) Akta melalui sistem pemfailan elektronik melainkan jika diarahkan selainnya oleh Suruhanjaya.

(2) Suatu permohonan untuk membaharui lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2).

(3) Selepas mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), jika Suruhanjaya berpendapat bahawa orang yang dilesenkan itu ialah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang suatu lesen di bawah subseksyen 20G(4) Akta, Suruhanjaya boleh membaharui lesen itu.

(4) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa orang yang dilesenkan bukan seorang yang layak dan sesuai untuk memegang suatu lesen di bawah subseksyen 20G(4) Akta, Suruhanjaya hendaklah memberitahu orang yang dilesenkan itu secara bertulis tentang keengganannya untuk membaharui lesen itu.

(5) Permohonan bagi pembaharuan lesen yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

### **Pembatalan lesen**

7. (1) Sebelum Suruhanjaya membatalkan lesen di bawah seksyen 20I Akta, Suruhanjaya hendaklah memberi orang yang dilesenkan itu—

(a) suatu notis bertulis tentang niat untuk membatalkan lesen itu; dan

(b) suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis bertulis itu.

(2) Apabila notis bertulis daripada Suruhanjaya diterima di bawah perenggan (1)(a), orang yang dilesenkan itu boleh mengemukakan representasi bertulisnya kepada Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya hendaklah—

(a) selepas mempertimbangkan representasi bertulis yang dibuat oleh orang yang dilesenkan itu di bawah subperaturan (2); atau

- (b) jika tiada representasi bertulis dibuat oleh orang yang dilesenkan itu di bawah subperaturan (2),

memutuskan sama ada untuk membaharui lesen itu atau sebaliknya.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberitahu orang yang dilesenkan itu tentang keputusannya untuk membatalkan lesen itu.

### **Rayuan melalui sistem pemfailan elektronik**

8. (1) Bagi maksud rayuan yang berhubungan dengan keengganan untuk memberikan lesen di bawah subperaturan 4(2), keengganan untuk membaharui lesen di bawah subperaturan 6(4) atau pembatalan lesen di bawah subperaturan 7(4), mana-mana orang yang terkilan boleh merayu kepada Menteri secara bertulis di bawah seksyen 38E Akta dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), orang yang terkilan itu hendaklah—

(a) mengemukakan rayuan itu kepada Suruhanjaya melalui sistem pemfailan elektronik melainkan jika diarahkan selainnya oleh Suruhanjaya;

(b) menyatakan alasan rayuan; dan

(c) membayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Apabila rayuan diterima di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, mengemukakan rayuan itu bersama dengan alasan rayuan kepada Menteri.

(4) Menteri hendaklah membuat keputusan ke atas rayuan itu dan menyebabkan keputusan itu dimaklumkan secara bertulis kepada orang yang terkilan itu.

(5) Keputusan Menteri di bawah subperaturan (4) adalah muktamad.

**Permohonan atau rayuan melalui apa-apa cara lain**

9. Jika tidak praktik atau tidak mungkin bagi apa-apa permohonan di bawah peraturan 3 atau 6, atau rayuan di bawah peraturan 8 dibuat melalui sistem pemfailan elektronik, Suruhanjaya boleh membenarkan permohonan atau rayuan itu dibuat mengikut apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

**Fi**

10. (1) Fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah dibayar kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa kegagalan untuk membayar fi yang disebut dalam subperaturan (1) akan menyebabkan permohonan atau rayuan itu terbatal.

(3) Jika permohonan atau rayuan itu ditarik balik, fi yang telah dibayar berkenaan dengan permohonan atau rayuan itu tidak boleh dibayar balik.

(4) Suruhanjaya boleh mengurangkan atau mengetepikan, sebahagian atau keseluruhan, apa-apa fi yang dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

[Peraturan 3, 6 dan 8]

**FI**

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Perkara</i>	(3) <i>Fi</i> (RM)
1.	Permohonan bagi lesen untuk bertindak sebagai setiausaha	350.00
2.	Permohonan bagi pembaharuan lesen untuk bertindak sebagai setiausaha	350.00
3.	Rayuan kepada Menteri terhadap keengganan untuk memberikan lesen atau membaharui lesen, atau pembatalan lesen	300.00



Dibuat 14 Februari 2017  
[KPDNKK 600-1/2/27; PN(PU2)626]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan*

COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA ACT 2001

COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
(LICENSING OF SECRETARIES) REGULATIONS 2017

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Application for licence
4. Grant of licence and notification of refusal to grant licence
5. Compliance with conditions or restrictions imposed on licence
6. Renewal of licence and notification of refusal to renew licence
7. Revocation of licence
8. Appeal through electronic filing system
9. Application or appeal through other manner
10. Fees

SCHEDULE

COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA ACT 2001

COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
(LICENSING OF SECRETARIES) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 40 of the Companies Commission of Malaysia Act 2001 [Act 614], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Companies Commission of Malaysia (Licensing of Secretaries) Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 15 February 2017.

**Interpretation**

2. In these Regulations—

“licence” means a licence granted to a person by the Commission under section 20G of the Act to act as a secretary;

“electronic filing system” means the electronic filing system provided by the Commission for the purposes of making any application or appeal as determined by the Commission.

**Application for licence**

3. (1) Any person, other than the person referred to in paragraph 235(2)(a) of the Companies Act 2016 [Act 777], may apply to the Commission for a licence to act as a secretary through the electronic filing system unless otherwise directed by the Commission.

(2) The application under subregulation (1) shall contain the following particulars:

- (a) the name, identification number, contact information and address of the principal place of residence of the applicant;
- (b) the business address of the applicant, where applicable;
- (c) the academic qualification of the applicant and relevant experience of the applicant; and
- (d) a declaration by the applicant—
  - (i) that the applicant is not an undischarged bankrupt;
  - (ii) that the applicant has not been convicted whether in or outside Malaysia of any offence referred to in section 198 of the Companies Act 2016;
  - (iii) that the applicant has not been convicted whether in or outside Malaysia of any offence involving fraud or dishonesty punishable on conviction with imprisonment for three months or more; and
  - (iv) that the applicant does not have any pending legal action against him under any provision of the Act or the laws specified in the First Schedule to the Act.

(3) The application made under subregulation (1) shall be accompanied with the fee as specified in the Schedule.

#### **Grant of licence and notification of refusal to grant licence**

4. (1) After considering the application made under regulation 3, if the Commission is of the opinion that the applicant is a fit and proper person to hold a licence under subsection 20G(4) of the Act, the Commission may—

- (a) enter the particulars of the applicant in the register; and
- (b) grant a licence bearing a licence number to the applicant.

(2) If the Commission is of the opinion that the applicant is not a fit and proper person to hold a licence under subsection 20G(4) of the Act, the Commission shall notify the applicant in writing of its refusal to grant a licence.

#### **Compliance with conditions or restrictions imposed on licence**

5. (1) The Commission may impose any conditions or restrictions upon granting a licence under subregulation 4(1), and may, at any time, amend the conditions or restrictions imposed.

(2) A licenced person shall comply with the conditions or restrictions imposed on a licence.

#### **Renewal of licence and notification of refusal to renew licence**

6. (1) A licenced person shall apply for the renewal of a licence not later than thirty days, or such other period as the Commission may specify, before the expiry of the licence as specified in paragraph 20G(1)(b) of the Act through the electronic filing system unless otherwise directed by the Commission.

(2) An application to renew the licence under subregulation (1) shall contain the particulars as specified in subregulation 3(2).

(3) After considering the application made under subregulation (1), if the Commission is of the opinion that the licenced person is a fit and proper person to hold a licence under subsection 20G(4) of the Act, the Commission may renew the licence.

(4) If the Commission is of the opinion that the licenced person is not a fit and proper person to hold a licence under subsection 20G(4) of the Act, the Commission shall notify the licenced person in writing of its refusal to renew the licence.

(5) The application for renewal of licence made under subregulation (1) shall be accompanied with the fee as specified in the Schedule.

### **Revocation of licence**

7. (1) Before the Commission revokes the licence under section 20I of the Act, the Commission shall give the licenced person—

- (a) a written notice of the intention to revoke the licence; and
- (b) an opportunity to make written representation within thirty days from the date of receipt of the written notice.

(2) Upon receipt of the written notice from the Commission under paragraph (1)(a), the licenced person may submit his written representation to the Commission.

(3) The Commission shall—

- (a) after considering the written representation made by the licenced person under subregulation (2); or
- (b) if no written representation is made by the licenced person under subregulation (2),

decide whether to revoke the licence or otherwise.

(4) The Commission shall notify the licenced person of its decision to revoke the licence.

### **Appeal through electronic filing system**

8. (1) For the purposes of an appeal relating to the refusal to grant a licence under subregulation 4(2), the refusal to renew a licence under subregulation 6(4) or revocation of a licence under subregulation 7(4), any aggrieved person may appeal to

the Minister in writing under section 38E of the Act within thirty days from the date of receipt of the notification.

- (2) For the purpose of subregulation (1), the aggrieved person shall—
- (a) submit such appeal to the Commission through the electronic filing system unless otherwise directed by the Commission;
  - (b) state the grounds of appeal; and
  - (c) pay the fee as specified in the Schedule.

(3) Upon receipt of the appeal under subregulation (1), the Commission shall, as soon as practicable, submit the appeal together with the grounds of appeal to the Minister.

(4) The Minister shall decide on such appeal and cause the decision to be communicated in writing to the aggrieved person.

(5) The decision of the Minister under subregulation (4) shall be final.

#### **Application or appeal through other manner**

9. Where it is not practicable or is not possible for any application under regulation 3 or 6, or appeal under regulation 8 to be made through the electronic filing system, the Commission may allow the application or appeal to be made in such other manner as the Commission thinks fit.

#### **Fees**

10. (1) The fees as specified in the Schedule shall be paid to the Commission in such manner as the Commission may direct.

(2) Any failure to pay the fees referred to in subregulation (1) shall render the application or appeal void.

(3) If the application or appeal is withdrawn, the fees paid in respect of such application or appeal shall not be refunded.

(4) The Commission may reduce or waive, partly or wholly, any fees specified in the Schedule.

#### SCHEDULE

[Regulations 3, 6 and 8]

#### FEES

(1) <i>Item</i>	(2) <i>Matter</i>	(3) <i>Fee</i> (RM)
1.	Application for licence to act as a secretary	350.00
2.	Application for renewal of licence to act as a secretary	350.00
3.	Appeal to the Minister against the refusal to grant licence or renew licence, or revocation of licence	300.00

Made 14 February 2017  
[KPDNKK 600-1/2/27; PN(PU2)626]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
*Minister of Domestic Trade,  
Co-operatives and Consumerism*